

27 JUL 2004

LID-Pembangunan

LID BUKTIKAN LANGKAWI MAMPU JADI TUAN RUMAH PERSIDANGAN TARAF ANTARABANGSA

Oleh: Noor Hammad Wariman

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang memasuki siri ketujuh di sini membuktikan kemampuan pulau lagenda ini dari segi kemudahan dan keindahan alamnya sebagai daya penarik, untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa.

Sejak Langkawi diisytiharkan pulau bebas cukai pada 1987, ia mengalami pembangunan pesat yang menyaksikan pelbagai kemudahan infrastruktur dibina dengan pelaburan besar bernilai lebih RM2 bilion.

Keadaan itu menjadikan Langkawi bukan sahaja muncul sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini malah mampu menjadi tuan rumah persidangan dan kejohanan sukan bertaraf antarabangsa.

Selain LID pertama pada 1995, Langkawi juga mendapat perhatian antarabangsa kerana menjadi tuan rumah kejohanan lumba basikal berprestij, Le Tour de Langkawi, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa (LIMA) dan sukan lasak Kejohanan Ironman Triathlon Langkawi.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Kedah Nawawi Ahmad berkata Langkawi mampu menjadi tuan rumah kepada pelbagai acara bertaraf antarabangsa kerana ia mempunyai kemudahan infrastruktur yang mencukupi.

"Setiap acara yang diadakan di sini setiap tahun dengan hasil yang memberangsangkan yang memberi faedah kepada penduduknya menunjukkan pulau lagenda ini cukup sesuai bagi sebarang penganjuran aktiviti bertaraf antarabangsa," katanya kepada Bernama di sini.

Katanya walaupun selepas persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang menjadi peneraju utama kemajuan Langkawi, keyakinan sektor swasta mengenai kemampuan Langkawi untuk terus membangun terserlah dengan kemasukan pelbagai projek tambahan bagi tempat-tempat tumpuan pelancong di pulau ini.

Antaranya, Underwater World yang sedang dinaiktaraf kemudahannya dengan

mempamerkan spesis haiwan dari tiga ekosistem iaitu hutan tropika, iklim sederhana dan sub antartika seperti ular Anaconda, singa laut dan Penguin.

Keyakinan itu berdasarkan pertambahan bilangan pelancong dalam dan luar negara ke Langkawi yang bertambah antara 12 hingga 15 peratus setiap tahun, katanya.

Nawawi berkata beliau menjangkakan bilangan pelancong ke Langkawi akan bertambah kepada 3.3 juta pada 2010.

Beliau menjangkakan sebanyak dua juta pelancong melawat Langkawi tahun ini berbanding 1.9 juta pelancong tahun sebelumnya.

Katanya bagi menampung bilangan pengunjung ke pulau ini, bilangan bilik penginapan akan ditambah kepada 10,000 buah dalam tempoh tiga tahun berbanding 7,000 bilik pada masa ini.

Keyakinan terhadap kemampuan Langkawi menjadi tuan rumah kepada persidangan bertaraf antarabangsa juga menarik minat penganjur Forum Pelancongan Asean (ATF) mengadakan acara itu di sini.

Sementara itu, Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib yakin pulau lagenda ini akan terus menarik perhatian pelancong asing dengan kemudahan yang telah disediakan untuk keperluan mereka.

"Ia mampu memenuhi kehendak pelancong sama ada untuk membeli belah, berehat di pantai, mengelilingi pulau sambil menghadiri persidangan dan konvensyen bertaraf antarabangsa di sini," katanya.

Pengerusi Persatuan Bot Pelancong Bumiputera Langkawi Kuzaini Kassim mengakui acara bertaraf antarabangsa yang diadakan di sini telah dapat menggerakkan industri pelancongannya.

-- BERNAMA

NH ZS NHD